

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

SOALAN

YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pelan perancangan Kementerian bagi merancakkan semula industri pelancongan di Malaysia agar kembali pulih ekoran Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Memang tidak dinafikan industri pelancongan merupakan industri pertama yang terjejas dan juga yang terakhir untuk pulih. Justeru, dalam usaha untuk menyelamatkan industri pelancongan negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merangka dan melaksanakan Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan, antaranya melalui strategi-strategi berikut:

- (i) memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong di mana komuniti pelancongan perlu mengamalkan pembudayaan baru dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard atau SOP-SOP yang telah ditetapkan sebagai norma baharu aktiviti pelancongan di Malaysia;
- (ii) merancakkan semula pelancongan domestik dengan menawarkan pakej-pakej pelancongan yang lebih kreatif dan menarik melalui platform digital serta memperkenalkan dan mempromosikan keunikan destinasi pelancongan di luar bandar atau *hidden gems* kerana pelancong kini lebih cenderung memilih destinasi yang selamat, kurang orang dan udara segar;
- (iii) meningkatkan standard dan kualiti perkhidmatan dan produk-produk pelancongan dan kebudayaan terutamanya dari segi kebersihan dan keselamatan selaras dengan SOP pengoperasian yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di tempat-tempat tarikan pelancong utama;
- (iv) meningkatkan penggunaan teknologi untuk perjalanan yang selamat, lancar dan tanpa sentuhan seperti pembayaran tanpa tunai (*cashless payment*), tempahan dalam talian (*online*

booking), transaksi tanpa sentuhan (*contactless transaction*) dan daftar masuk tanpa sentuhan;

- (v) memperkukuhkan kerjasama awam-swasta (*public-private partnerships*) terutamanya dalam mencipta semula produk pelancongan, seni dan budaya untuk menjadi lebih menarik dan inovatif; dan
- (vi) *reskilling* dan *upskilling* bagi meningkatkan kualiti dan kredibiliti profesion dengan adaptasi kepada budaya dan norma baharu.

2. Di samping itu, sebagai kesinambungan kepada kebenaran rentas negeri dan daerah baru-baru ini, MOTAC akan terus berusaha untuk menyemarakkan pelancongan domestik negara. Antaranya termasuklah memperuntukkan sebahagian besar peruntukan di bawah Belanjawan 2021 bagi Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan yang merangkumi pelbagai inisiatif menarik kepada rakyat, seperti baucar penginapan, diskaun destinasi pelancongan, diskaun percutian keluarga, menyemarakkan seni budaya, kempen '*Meet in Malaysia*', diskaun pakej petugas barisan hadapan, potongan diskaun beli-belah serta diskaun pengangkutan. Inisiatif ini diyakini dapat merangsang dan menyuntik perbelanjaan domestik secara konsisten dan seterusnya mewujudkan kesan gandaan ekonomi khususnya yang berantaian dengan sektor pelancongan, seni dan budaya.

Sekian, terima kasih.